

Oleh Muhammad
Reza Muhsain
m.reza@bh.com.my

Kuala Lumpur

diharap dapat menarik lebih banyak universiti awam menyertai pertandingan itu pada masa depan.

Katanya, pertandingan kali ini lebih mencabar apabila setiap pasukan perlu menyediakan pelan kempen kese-deruan mengenai penjimatan petrol merangkumi semua aspek komunikasi pemasaran merentasi pelbagai saluran termasuk media sosial.

Pertandingan #shellpledge

"Antara tugas utama yang perlu dilakukan setiap pasukan ialah mempromosi-kan dan menggalakkan penggunaan minyak dengan lebih bijak dan efisien dalam kalangan pengguna jalan raya menerusi pertandingan #she-llpledge.

"Pengenalan #shellpledge antara pembaharuan yang diperkenalkan pada kali ini sebagai platform kepada peserta untuk berkempen dan berkongsi maklumat dengan masyarakat mengenai penggunaan minyak," katanya ketika berucap merasmikan pertandingan itu, baru-baru ini.

Tiga institusi pengajian tinggi (IPT) awam antara 10 pasukan yang bakal bersaing pada Pertandingan Penjimatan Minyak Shell - Kolej buat kali keempat, tahun ini.

Pertandingan yang menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM28,000 itu disertai Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi MARA selain tujuh IPT swasta iaitu Monash Universiti, Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman, Universiti Help, Universiti UCSI, Universiti Sunway, Universiti Taylor dan Kolej IACT.

Pengarah Urusan Shell Malaysia Trading Sdn Bhd dan Shell Timur Sdn Bhd, Azman Ismail, berkata penyertaan sulung tiga IPTA



Azman (kanan) bersama-sama Lisa (dua dari kanan) dan Fahrin (empat dari kiri) menunjukkan isyarat bagus.

Pertandingan penjimatan minyak Shell 10 pasukan berentap



Azman (berdiri, empat dari kanan), Fahrin (tiga dari kanan) dan Lisa (empat dari kiri) bersama-sama wakil pasukan IPT yang menyertai Pertandingan Penjimatan Minyak Shell - Kolej 2014.

Yang turut hadir ialah duta Shell Fuelsave yang juga pelakon, Lisa Surihani dan Fahrin Ahmad.

Peserta bakal membawa pulang hadiah wang tunai RM15,000, trofi serta menjalani peluang latihan industri bersama-sama Shell dan agensi medianya seperti Astro dan Ogilvy.

Tempat kedua dan ketiga, masing-masing menerima RM8,000 dan RM5,000 berserta trofi.

Pertandingan bermula sejak 1 Oktober hingga 31 Oktober turut menawarkan pelbagai hadiah kepada orang awam yang menyertai #shellpledge.

“

ANTARA TUGAS UTAMA YANG PERLU DILAKUKAN SETIAP PASUKAN IALAH MEMPROSOKAN DAN MENGGALAKKAN PENGGUNAAN MINYAK DENGAN LEBIH BIJAK DAN EFISIEN DALAM KALANGAN PENGGUNA JALAN RAYA”

Azman Ismail,
Pengarah Urusan Shell Malaysia